

Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah

HASNAN KASAN

ABSTRAK

The fatwa institution in Malaysia is the institution which provides the guide line for the practice of the muslim in the country. The study attempts to look into the fatwa released by the fatwa institution within the scope of the country legal system with emphasize to the appointment Mufti, the procedure to arrive at a particular fatwa and the fatwa enforcement.

PENDAHULUAN

Sebelum terbentuknya negara Malaysia, permasalahan berkaitan dengan hukum-hakam agama banyak dirujuk kepada para alim ulamak secara persendirian tanpa wujud satu badan khas yang menanganinya. Begitu juga tidak ada perundangan yang mengawal proses dan pihak yang mengeluarkan fatwa. Akan tetapi selari dengan perkembangan pentadbiran agama Islam di negara ini terutama selepas campur tangan penjajah British, maka institusi fatwa juga turut mengalami penyusunan dari aspek organisasinya dan strukturnya. Akhirnya institusi fatwa di negara ini telah dirujuk di bawah peruntukan perundangan negara.

Untuk melihat kedudukan Institusi Fatwa yang wujud di Malaysia dari kacamata perundangan negara maka penulis merasakan adalah perlu dibentangkan penjelasan peruntukan undang-undang yang berjalan di negara ini berkenaan urusan fatwa. Oleh kerana kuasa agama adalah milik Kerajaan Negeri di dalam Malaysia, maka perundangan yang akan disentuh adalah lebih banyak berkait dengan Enakmen-enakmen

Pentadbiran Agama Islam Negeri. Skop terpenting yang disentuh dalam perbincangan ini termasuklah peruntukan bagi perlantikan Mufti dan Ahli Jawatankuasa Syariah, prosuder mengeluarkan fatwa, kategori dan authoriti fatwa yang dikeluarkan.


PERLANTIKAN MUFTI DAN AHLI JAWATANKUASA SYARIAH

Di dalam semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri Malaysia memperuntukkan bahawa institusi fatwa itu terdiri daripada gandingan antara mufti dan Jawatankuasa Syariah bagi setiap negeri tersebut. Fatwa yang hendak dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri hendaklah melalui Jawatankuasa Syariah dengan mufti menjadi pengerusinya.

Oleh itu di dalam membincangkan tentang perlantikan dan kelayakan mufti, penulis juga akan menyentuh perlantikan dan kelayakan Ahli Jawatankuasa Syariah atau bagi Kedah dan Terengganu dipanggil Jawatankuasa Fatwa, di Kelantan dipanggil Jamaah Ulamak, di Johor dipanggil Lujnah Fatwa dan di Wilayah Persekutuan dipanggil sebagai Jawatankuasa Undang-undang Syarak. Negeri-negeri yang lain menggunakan nama Jawatankuasa Syariah.

Kalau dilihat cara perlantikan mufti di setiap negeri Malaysia, kita akan dapati bahawa corak perlantikan Mufti adalah sama iaitu melalui perlantikan yang dibuat oleh Raja atau Sultan kecuali negeri Melaka, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang Mufti dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong setelah mendapat persetujuan dan cadangan daripada Majlis Mesyuarat Negeri atau Yang Di Pertua Negeri. Sebagai contoh di dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor menyatakan bahawa Duli Yang Mulia Sultan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi negeri Selangor.¹ Di negeri Melaka pula Enakmen Pentadbiran Hukum Syaraknya menyebut Yang Di Pertuan Agong hendaklah atas nasihat Ketua Menteri melantik seorang yang layak dan sesuai menjadi Mufti Kerajaan Negeri.²

Tidak ada kelayakan tertentu yang disyaratkan bagi sesiapa yang hendak



dilantik menjadi Mufti di negeri-negeri Malaysia. Ini kerana pada ketika dahulu ijazah dalam bidang tertentu tidak semestinya menjadi bukti kealiman dan ketokohan seseorang yang dilantik ke jawatan mufti. Sekarang pun jika dilihat peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri tidak ada syarat kelulusan dalam pemilihan atau perlantikan mufti.³ Namun dari segi praktikalnya boleh dikatakan semua mufti yang dilantik mempunyai kelulusan daripada universiti-universiti di Timur Tengah samada di tahap Sarjana Muda atau Sarjana.⁴

Manakala Jawatankuasa Syariah pula kalau dilihat dalam enakmen pentadbiran agama Islam setiap negeri ada sedikit perbezaan cara perlantikan ahli-ahli yang menganggotainya. Bagi negeri Perak Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bil. 2, tahun 1992 seksyen 37 memperuntukkan bahawa hendaklah dibentuk satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Syariah untuk membantu menyelesaikan sebarang pertanyaan mengenai hukum syarak.⁵ Ahli bagi Jawatankuasa ini terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti, dua orang ahli Majlis yang arif mengenai Hukum Syarak, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Perak dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak lebih daripada lima orang daripada alim ulamak yang mahir dalam hukum Syarak.

Mufti sebagai pengerusi dilantik oleh Sultan. Dua orang ahli majlis dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perak. Seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Perak dicadangkan oleh Ketua Jabatan Agama Islam Perak dan dilantik oleh Majlis. Dua orang dan tidak lebih lima orang dari kalangan mereka yang mahir dalam hukum syarak dilantik oleh Majlis. Di sini tidak dinyatakan sama ada dua orang dan tidak lebih lima orang yang mahir hukum syarak itu mesti di kalangan orang biasa atau boleh terdiri daripada ahli Majlis.⁶

Kuasa pembatalan dan had tempoh perlantikan bagi mufti dan Ahli Jawatankuasa Syariah negeri Perak tidak ada disebut di dalam Enakmen ini. Hanya yang dinyatakan ialah orang yang telah dilantik sebelum Enakmen ini diwartakan hendaklah terus menjadi ahli Jawatankuasa tersebut sehingga tamat tempoh perlantikannya.⁷

Di Kelantan Jemaah Ulamak ditubuhkan untuk menasihati Majlis Agama

Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan atau lain-lain perkara yang berhubung dengan fatwa yang hendak dikeluarkan mengikut mana-mana peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kelantan. Keahlian Jemaah Ulamak ini terdiri dari Mufti sebagai pengerusi, Timbalan Mufti dan tidak kurang daripada lapan orang tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain. Keahlian lapan orang atau tidak lebih lima belas orang lain ini tidak dinyatakan syarat mesti dari orang awam atau boleh anggota Majlis untuk menganggotainya.⁸

Ahli-ahli Jemaah Ulamak selain dari Mufti dan Timbalan Mufti adalah dilantik oleh Sultan bagi satu tempoh mengikut budi bicara baginda dengan tauliah yang ditandatangani dan dimeterai mohornya. Sultan berkuasa membatalkan keahlian ahli Jawatankuasa ini pada bila-bila masa.⁹

Di Negeri Sembilan Mufti dilantik oleh Yang Di Pertuan Besar bagi tempoh yang tertentu¹⁰ setelah menerima cadangan daripada Majlis Mesyuarat Negeri dan Mufti yang terdahulu serta ahli Jawatankuasa Syariah yang ada.¹¹

Manakala Jawatankuasa Syariahnya yang dianggotai oleh Mufti sebagai Pengerusi, dua orang anggota Majlis, dan sekurang-kurangnya dua orang atau tidak lebih dari enam orang yang bukan anggota Majlis dilantik melalui cadangan yang diberikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Syariah dan kemudian akan dibuat perlantikan secara rasmi oleh Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dengan persetujuan daripada Undang Luak Yang Empat serta Tunku Besar Tampin. Perlantikan setiap ahli Jawatankuasa ini adalah bagi tempoh tiga tahun. Apabila tamat tempoh tiga tahun ahli Jawatankuasa boleh terus menjadi anggota badan tersebut dengan persetujuan Majlis Hal Ehwal Agama Islam dengan dua pertiga daripada suara ahlinya.¹² Perkhidmatan Ahli Jawatankuasa Syariah akan tamat sama ada sampai tempoh perkhidmatannya, apabila dia mati, jika meminta berhenti menjadi ahli dan jika tidak hadir di dalam tiga kali mesyuarat berturut-turut.¹³

Di Terengganu Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa dilantik oleh Sultan¹⁴ melalui cadangan yang dikemukakan oleh anggota Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu.¹⁵ Sultan juga berhak

membatalkan perlantikan Ahli Jawatankuasa Fatwa ini pada bila-bila masa dengan memaklukkannya dalam Warta Kerajaan.¹⁶ Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa ini terdiri daripada Mufti sebagai Pengerusi, tidak lebih dari tiga orang ulamak dari kalangan ahli Majlis Agama Islam Terengganu dan tidak kurang daripada empat orang yang layak dan munasabah sama ada mereka dari kalangan ahli Majlis atau tidak.¹⁷

Di Pulau Pinang Mufti dilantik oleh Yang DiPertuan Agong atas nasihat daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Manakala Ahli Jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada Mufti sebagai pengerusi, dua orang pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, dua orang dari Majlis dan sekurang-kurangnya dua orang dan tidak lebih dari lima orang dari kalangan mereka yang mahir dalam hukum syarak adalah dilantik oleh Majlis melainkan Mufti. Syarat kelayakan yang dinyatakan dalam enakmen ini ialah mahir dalam hukum syarak.¹⁸

Di Negeri Perlis melalui peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri Perlis Raja boleh melantik seseorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi negeri dan ia mestilah disiarkan di dalam Warta Kerajaan.¹⁹

Manakala Ahli Jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada Mufti sebagai Pengerusi, dua orang ahli Majlis dan empat orang yang beragama Islam dan Ahli Sunnah Wa al Jamaah tetapi bukan dari kalangan Ahli Majlis juga dilantik oleh Raja pemerintah dengan disiarkan dalam Warta Kerajaan. Lantikan itu adalah bagi tempoh yang ditetapkan dalam surat lantikan kecuali jika mereka berhenti atau dibatalkan keahlian mereka sebelum daripada masa yang telah ditetapkan.²⁰

Mufti di Selangor dilantik oleh Duli Yang Mulia Sultan dan untuk membantu tugas Mufti Sultan juga boleh melantik seorang Timbalan Mufti. Manakala Jawatankuasa Syariah yang dikenali dengan Jawatankuasa Perunding Syarak yang dianggotai oleh Mufti sebagai Pengerusi, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak lebih daripada lima orang dari kalangan orang-orang yang mahir di dalam hukum syarak. Pegawai dari Jabatan Agama dan dua orang atau tidak

lebih dari lima orang luar tersebut dilantik oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor.²¹ Perlantikan Mufti oleh Sultan dilakukan dalam Mesyuarat Negeri.²²

Mufti dan Timbalan Mufti Johor dilantik oleh Sultan dengan nasihat Raja dalam Mesyuarat Negeri dari kalangan mereka yang layak dan patut. Mufti dan Timbalannya juga dilantik menjadi ahli Majlis.²³ Manakala Ahli Jawatankuasa Syariah yang dikenali di Johor sebagai Lujnah Fatwa yang dinggotai oleh Mufti sebagai pengerusi dan tidak lebih daripada empat orang yang menjadi ahli Majlis yang berkelayakan dan berpatutan mengeluarkan fatwa, semuanya dilantik oleh Majlis bagi tempoh yang ditentukan kecuali Mufti.²⁴

Bagi negeri Pahang Mufti Kerajaan Negeri adalah dilantik oleh Sultan dari kalangan orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti Negeri selama tempoh dan menurut syarat-syarat yang diperkenankan oleh baginda Sultan.²⁵ Sultan juga boleh melantik seorang Timbalan Mufti untuk membantu Mufti menjalankan tugas-tugasnya yang tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam 1991.²⁶

Manakala ahli Jawatankuasa Syariah Pahang yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak yang terdiri daripada Mufti sebagai pengerusi, dua orang ahli Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Pahang yang mahir dalam Hukum Syarak dan sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak lebih dari enam orang terdiri daripada orang-orang yang mahir dalam Hukum Syarak, semuanya dilantik oleh Majlis kecuali Mufti.²⁷

Di Negeri Melaka pula Mufti dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong atas nasihat Ketua Menteri dari kalangan orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti.²⁸ Manakala ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka yang terdiri daripada Mufti sebagai pengerusi, dua orang ahli Majlis dan sekurang-kurangnya tiga orang tetapi tidak lebih dari lima orang dari kalangan mereka yang mahir dalam hukum syarak, semuanya dilantik oleh Majlis melainkan Mufti.²⁹


Mufti Wilayah Persekutuan dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong atas nasihat Menteri selepas berunding dengan Majlis Agama Islam Wilayah

Persekutuan dari kalangan mereka yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti.³⁰

Melalui penelitian di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa ada ahli Jawatankuasa Syariah yang dilantik oleh Sultan atau Raja dan ada yang dilantik oleh Majlis. Di Negeri Sembilan Mufti berperanan mencadangkan nama-nama ulamak yang layak kepada Majlis untuk dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah. Bilangan ahli Jawatankuasa Syariah setiap negeri juga tidak sama. Begitu juga taburan mewakili pihak-pihak tertentu juga tidak sama. Sebagai contoh Jawatankuasa Syariah Negeri Selangor turut dianggotai oleh Penasihat Undang-undang Negeri sedangkan dinegeri-negeri lain tidak melantik Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri masing-masing sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah.

Bilangan alim ulamak yang bukan menjadi anggota Jabatan Agama dan tidak juga menjadi ahli Majlis Agama Islam Negeri juga berlainan antara negeri-negeri. Sebagai contoh di negeri Kelantan bilangan alim ulamak bebas yang tidak menjadi pegawai Jabatan Agama dan tidak juga sebagai ahli Majlis ialah antara lapan hingga lima belas orang. Ini jauh lebih ramai jika dibandingkan dengan bilangan alim ulamak bebas yang dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di negeri Perak, di mana bilangannya ialah antara dua hingga lima orang.

Dari segi kelayakan pula boleh dikatakan kelayakan yang ada pada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah setiap negeri adalah bercampur-campur. Ada di kalangan mereka yang hanya berkelulusan sekolah pondok zaman dahulu. Kebanyakan yang berkelulusan sebegini adalah terdiri daripada generasi tua yang telah berusia lebih dari lima puluh tahun. Ada di kalangan mereka pula yang berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam dari universiti dalam atau luar negara. Tidak kurang juga yang mempunyai kelayakan Sarjana dalam pengajian Islam seperti Ustaz Othman³¹ yang menjadi ahli Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang³² dan yang berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Perundangan Islam seperti Prof. Dato' Dr. Harun Din yang menjadi ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis.³



PROSEDUR MENGELUARKAN FATWA

Setelah meneliti Enakmen Pentadbiran Agama setiap negeri penulis mendapati prosuder yang digunakan di setiap negeri dalam proses mengeluarkan fatwa ada yang sama dan ada yang berbeza dengan negeri yang lain. Di sini penulis akan membentangkan penjelasan yang terdapat di dalam Enakmen setiap negeri untuk dijadikan perbandingan sekiranya ada terdapat perbezaan dan seterusnya untuk dibuat penelitian terhadap prosuder yang digunakan itu.

Di Selangor Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dialamatkan kepada Mufti, dan hendaklah atas perintah Duli yang Mulia Sultan membuat dan memberitahu dalam Warta Fatwa atau pendapat atas sesuatu soalan yang belum terputus atau soalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan dengan hukum syarak. Tiada sesuatu kenyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa kecuali dan sehingga ianya diwartakan.³⁴

Sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat mengikut seksyen 31. Sesuatu fatwa hendaklah diwartakan dalam Bahasa Malaysia dalam tulisan rumi, tetapi kandungan fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga diterbitkan.³⁵ Sebelum Mufti membuat fatwa dia boleh mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dibuat dan kertas kerja hendaklah disediakan untuk tujuan membuat fatwa.³⁶

Mufti boleh meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah terlebih dahulu dikeluarkan olehnya atau oleh mana-mana Mufti terdahulu darinya. Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan ke atas sesuatu fatwa hendaklah dianggap menjadi fatwa .³⁷

Di negeri Johor sesiapa pun boleh meminta daripada Setiausaha Majlis dengan bersurat supaya mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara mengenai hukum syarak. Apabila Setiausaha Majlis menerima surat pertanyaan tersebut dia hendaklah dengan serta merta menghantarkannya kepada Pengerusi Lujnah Fatwa iaitu Mufti.

Pengerusi Lujnah Fatwa hendaklah menimbangkan tiap-tiap permintaan tersebut dan hendaklah menyediakan rang fatwa di atas pertanyaan itu melainkan pada fikirannya perkara itu perkara yang kecil sangat atau dengan sebab-sebab yang munasabah tidak payah tidak jawab. Jika difikirkan perkara itu satu yang besar maka hendaklah diadakan mesyuarat Lujnah Fatwa untuk membincangkan dan menyelesaikan perkara itu seterusnya memberikan fatwa mengenainya. Jika perkara itu ada nas yang terang menunjukkan hukumnya maka Pengerusi atau Lujnah Fatwa hendak menjelaskan kehendak nas itu. Jika Lujnah Fatwa tidak sebulat suara dalam masalah yang diperbincangkan itu maka ia hendaklah dipanjangkan kepada Majlis di mana pada ketika itu Majlis akan memberikan fatwanya mengikut suara terbanyak dari kalangan ahli-ahlinya. Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan mengistiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang telah dibuatnya.³⁸

Apa-apa fatwa yang diberikan oleh Majlis samada dengan terus daripadanya atau melalui Lujnah Fatwa ataupun apa-apa keputusan dari mana-mana soalan yang dibuat oleh Duli Yang Mulia Sultan, jika diperintahkan oleh Duli Yang Mulia Sultan hendaklah diistiharkan dalam Warta Kerajaan dan dengan itu terikatlah semua orang Islam yang tinggal di dalam Negeri Johor.³⁹ Di dalam menjalankan mesyuarat Lujnah Fatwa sudah memadai dengan dihadiri oleh Pengerusi dan dua orang ahli Lujnah yang lain.⁴⁰

Di negeri Pahang Mufti samada dengan daya usahanya sendiri atau dari permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat ditujukan kepada Mufti atau atas perintah Duli Yang Mulia Sultan membuat fatwa dan menyiarkannya dalam Warta mengenai sesuatu persoalan yang belum diputuskan hukumnya atau persoalan yang menimbulkan pertikaian mengenai sesuatu hukum syarak. Jika Mufti memikirkan adalah perlu fatwa yang dibuatnya disiarkan dalam Warta, maka fatwa tersebut hendaklah disiarkan jika diperintahkan supaya berbuat demikian oleh Duli Yang Mulia Sultan.⁴¹

Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 36,

dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak bagi maksud membincangkan persoalan yang hendak diberi fatwa itu. Untuk membuat satu-satu fatwa Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihadiri sekurang-kurangnya oleh Pengerusi iaitu Mufti dan dua orang ahli lain di mana salah seorangnya hendaklah bukan ahli Majlis. Jawatankuasa hendaklah menimbangkan persoalan yang dikemukakan dan hendaklah menyediakan satu draf fatwa mengenainya. Jika draf itu diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa, Mufti boleh membuat fatwa menurut seksyen 36. Sekiranya Jawatankuasa memikirkan persoalan yang dikemukakan itu satu yang remeh atau atas sebab-sebab lain tidak perlu dijawab maka ia boleh tidak diputuskan hukumnya oleh Jawatankuasa. Sebelum Mufti membuat fatwa dia boleh mengarahkan dijalankan penyelidikan atau kajian serta disediakan satu kertas kerja mengenainya.⁴²

Sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat menurut subseksyen 36. Sesuatu fatwa jika disiarkan dalam Warta Kerajaan hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan dalam tulisan rumi dan jawi.⁴³

Di Negeri Melaka perjalanan proses mengeluarkan fatwa adalah sama dengan proses yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam Negeri Pahang.⁴⁴

Di Negeri Perlis agak jauh berbeza sistem yang digunakan dalam mengeluarkan fatwa berbanding dengan negeri-negeri lain. Di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam No. 3, Tahun 1964 menyatakan bahawa mana-mana orang atau mana-mana mahkamah yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis bolehlah meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas sebarang masalah yang berkaitan dengan hukum syarak atau adat istiadat Melayu. Bagi maksud mengeluarkan fatwa Majlis bolehlah mengemukakan sebarang soalan yang berkaitan dengan fatwa yang hendak dikeluarkan itu kepada Jawatankuasa Syariah. Jawatankuasa itu hendaklah memberikan pendapatnya kepada Majlis secara bertulis. Pendapat yang hendak diberikan kepada Majlis itu hendaklah samada dipersetujui secara sebulat suara atau oleh majoriti ahli Jawatankuasa.⁴⁵ Untuk menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, ia hendaklah dihadiri sekurang-

kurangnya tiga orang ahli termasuk Pengerusi.⁴⁶

Setelah menerima buah fikiran atau pendapat yang diberikan oleh Jawatankuasa Syariah maka Majlis hendaklah mengeluarkan fatwa berdasarkan pendapat tersebut sekiranya pendapat tersebut dibuat dengan sebulat suara oleh Ahli Jawatankuasa Syariah. Sekiranya pendapat atau buah fikiran yang diberikan oleh Jawatankuasa Syariah itu terhasil dengan suara terbanyak dari kalangan ahli-ahlinya, maka Majlis boleh menimbang dan mengeluarkan fatwa berdasarkan sekiranya Majlis mahu berbuat demikian. Jika Majlis tidak bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Jawatankuasa secara suara terbanyak maka Majlis boleh mempersembahkannya kepada Raja untuk membuat keputusan.⁴⁷

Apa-apa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis dan sebarang keputusan yang diberikan oleh Raja pemerintah menurut fasal dalam Enakmen ini maka ia hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan jika Majlis atau Raja pemerintah memikirkan patut berbuat demikian.⁴⁸

Di Kelantan, mana-mana orang dengan cara bertulis boleh meminta Majlis mengeluarkan fatwa mengenai apa-apa masalah hukum syarak atau adat istiadat Melayu Kelantan. Apabila Majlis menerima surat pertanyaan, ia hendaklah segera mengedarkannya kepada Pengerusi Jemaah Ulamak.⁴⁹

Jemaah Ulamak hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan itu dan hendaklah menyediakan satu draf fatwa bagi tujuan mengenainya. Jika draf fatwa itu dipersetujui samada secara sebulat suara atau secara suara terbanyak dari kalangan ahli Lujnah Fatwa maka Pengerusi bagi pihak dan dengan nama Majlis hendaklah mengeluarkan fatwa.⁵⁰ Untuk menjalankan Mesyuarat Jemaah Ulamak, ia mestilah dihadiri oleh sekurang-kurangnya Pengerusi dan dua pertiga ahli Jemaah tersebut.⁵¹

Jika masalah yang dikemukakan oleh orang ramai atau pihak-pihak tertentu tidak dapat diselesaikan dengan fatwa mengikut cara-cara di atas maka Jemaah Ulamak hendaklah merujuk masalah tersebut kepada Majlis yang akan mengeluarkan fatwanya dengan berpandukan kepada pandangan dan pendapat Mufti. Dengan sebab-sebab khusus Majlis boleh membawa masalah-masalah yang ada ke bawah Duli Yang Mulia al

Sultan untuk mendapat penentuan Baginda.⁵²

Jemaah ulamak juga dengan daya usahanya sendiri pada bila-bila masa membuat dan mengistiharkan apa-apa fatwa bagi pihak dan atas nama Majlis tanpa menunggu soalan atau permintaan dari orang lain.⁵³

Mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Jemaah Ulamak atau apa-apa keputusan mengenai masalah hukum syarak yang dibuat oleh Duli Yang Mulia al Sultan seperti yang dimaksudkan di bawah seksyen 36 (3), jika diperintahkan oleh Baginda hendaklah diwartakan.⁵⁴

Di Negeri Perak Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan secara bertulis dari mana-mana orang atau pihak membuat fatwa atau memberikan pendapatnya dalam masalah hukum syarak yang masih belum diputuskan atau masalah yang menimbulkan pertikaian berkaitan dengan hukum syarak.⁵⁵ Sebelum Mufti bercadang membuat, meminda, mengubah atau membatalkan apa-apa fatwa, dia hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa Syariah bagi maksud membincangkan masalah yang dikemukakan untuk mencari dan menetapkan fatwa terhadap masalah yang ditimbulkan itu.⁵⁶ Di dalam Enakmen ini tidak disebut berapa ramaikah bilangan Ahli Jawatankuasa yang mesti hadir dalam satu-satu perjumpaan bagi membincangkan fatwa yang hendak diputuskan.

Sebelum Mufti membuat, meminda, mengubah atau membatalkan fatwa, dia mengarahkan satu kajian atau penyelidikan dibuat dan kertas kerja mengenai laporan penyelidikan tersebut hendaklah disediakan.⁵⁷ Tidak ada sesuatu pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa kecuali dan sehingga ia diwartakan atas perintah Duli Yang Mulia Sultan. Sebaik sahaja diwartakan, sesuatu fatwa hendaklah mengikat semua orang Islam yang tinggal di negeri Perak Darul Ridzwan sebagai ajaran agamanya. Mereka berkewajipan mengikut dan berpegang kepada fatwa yang telah diwartakan melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak menyimpang dari fatwa itu dalam hal amalan, kepercayaan atau pendapat peribadi.⁵⁸

Di negeri Terengganu, mana-mana orang boleh dengan melalui surat

yang dialamatkan kepada Pesuruhjaya Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu meminta Majlis supaya mengeluarkan fatwa atau kaedah syarak di atas apa-apa perkara mengenai hukum syarak atau adat Melayu.⁵⁹ Apabila pesuruhjaya menerima pertanyaan daripada orang ramai atau pihak-pihak tertentu, maka sekiranya persoalan tersebut berkaitan dengan hukum syarak, ia hendaklah dihantarkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa dan sekiranya persoalan tersebut mengenai adat Melayu ia hendaklah dihantar kepada Majlis.⁶⁰

Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbang permintaan hukum yang dikemukakan dan menyediakan draf fatwa atau kaedah pengertian yang diminta melainkan jika ditimbang bahawa perkara adalah remeh atau atas sebab-sebab lain yang munasabah, maka persoalan yang dikemukakan tidak payah dijawab. Walau bagaimana pun, di dalam sesuatu perkara berkaitan hukum syarak sekalipun dianggap kecil, namun Mufti boleh memberi jawapan bagi pihak Jawatankuasa Fatwa setelah mendapat persetujuan daripada Pesuruhjaya.⁶¹

Jika Jawatankuasa Fatwa tidak dapat membuat keputusan dalam perkara yang berkaitan dengan hukum syarak maka perkara itu hendaklah dipanjangkan kepada Majlis untuk mendapatkan apa-apa pendapat. Setelah mendapat pandangan mengenai hukum perkara tersebut, ia hendaklah dikembalikan semula kepada Jawatankuasa Fatwa untuk membuat keputusan.⁶² Apabila fatwa atau kaedah pengertian telah disediakan maka Pesuruhjaya hendaklah menghantarkannya kepada orang yang membuat permintaan.⁶³

Pesuruhjaya boleh menyiarkan pada bila-bila masa fatwa yang diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa atau Majlis samada perkara yang berhubungan dengan hukum syarak atau adat Melayu.⁶⁴ Mana-mana fatwa atau kaedah pengertian hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan jika sekiranya dikehendaki oleh Duli Yang Mulia Sultan atau Pesuruhjaya. Dengan diwartakan fatwa tersebut, ia adalah mengikat semua orang Islam yang bermastautin dalam negeri itu.⁶⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Terengganu tidak menyebut bilangan ahli Jawatankuasa Fatwa yang mesti hadir dalam membuat keputusan fatwa.

Di Pulau Pinang Mufti boleh atas kehendaknya sendiri atau atas

permintaan mana-mana orang yang dibuat dengan surat ditujukan kepada Mufti menyiarkan fatwa atau pendapat dalam Warta berkenaan apa-apa masalah mengenai hukum yang belum diputuskan atau yang menimbulkan pertikaian mengenainya. Sekiranya diperintahkan oleh Yang Di Pertuan Agong Mufti mestilah menyiarkannya fatwa atau pendapat tersebut di dalam Warta.⁶⁶

Apabila mufti bercadang hendak membuat fatwa, dia hendaklah memanggil Jawatankuasa Syariah bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu. Sebelum Mufti membuat fatwa dia boleh mengarahkan kajian dan penyelidikan serta satu kertas kerja hendaklah disediakan untuk tujuan penelitian membuat fatwa tersebut.⁶⁷ Tiada suatu kenyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa kecuali dan sehingga ia disiarkan dalam Warta Kerajaan.⁶⁸ Di dalam enakmen ini tidak ada disebut bilangan ahli Jawatankuasa Syariah yang mesti hadir dalam perjumpaan membuat fatwa.

Di negeri Kedah, mana-mana orang atau pihak boleh memohon dengan surat yang ditujukan kepada Setiausaha, memohon Majlis mengeluarkan apa-apa fatwa berkenaan masalah yang berkaitan dengan hukum syarak. Sebaik sahaja Setiausaha Majlis menerima surat permintaan tersebut, dia hendaklah menghantarkannya kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa.⁶⁹

Jawatankuasa Fatwa hendaklah mempertimbangkan permintaan yang dibuat dan mengeluarkan fatwa mengenainya melainkan Jawatankuasa memikirkan perkara tersebut terlalu kecil atau dengan sebab-sebab tertentu tidak perlu dijawab. Sebarang keputusan atau pendapat yang telah dibuat serta dipersetujui oleh Jawatankuasa hendaklah diistiharkan oleh Pengerusi Jawatankuasa bagi pihak dan atas nama Majlis Agama Islam Kedah.⁷⁰

Di dalam membuat keputusan tentang satu-satu hukum untuk dijadikan fatwa Jawatankuasa Fatwa dalam mensyuaratnya hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya Pengerusi dan dua orang ahli lain yang mana salah seorang mereka hendaklah bukan dari kalangan ahli Majlis.⁷¹ Majlis pada bila-bila masa dengan daya usahanya sendiri boleh menyebarkan

fatwa atau pendapat yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa.⁷²

Setelah meneliti peruntukan yang terdapat di dalam enakmen setiap negeri penulis mendapati ada negeri yang mempunyai persamaan dan ada yang berlainan antara satu sama lain. Fatwa di negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor dan Perlis dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam negeri-negeri tersebut. Di negeri-negeri itu Mufti dan Jawatankuasa Syariah hanya berperanan memberikan pendapat mereka dan menyediakan draf fatwa mengenai masalah yang memerlukan hukum syarak kepada Majlis. Hanya di negeri Terengganu Mufti boleh mengeluarkan fatwa bagi masalah yang dianggap kecil setelah mendapat persetujuan daripada Pesuruhjaya Agama. Ini menggambarkan bahawa kuasa untuk mengistiharkan satu-satu fatwa di negeri-negeri tersebut adalah terletak pada Majlis dan bukannya pada Mufti atau Jawatankuasa Fatwa.

Di Kelantan, sekalipun fatwa mestilah dikeluarkan atas nama Majlis, namun sebenarnya Lujnah Fatwa dan Muftilah yang berperanan dan berkuasa penuh dalam mengeluarkan satu-satu fatwa. Ini kerana sekiranya satu-satu fatwa itu dipersetujui secara sebulat suara atau meyoriti ahli Lujnah Fatwa maka ia akan diistiharkan sendiri oleh Lujnah Fatwa bagi pihak Majlis. Sekiranya Lujnah Fatwa tidak dapat menyelesaikan masalah yang diperbincangkan maka Majlis akan membuat keputusan (fatwa) mengikut pendapat yang diberikan oleh Mufti. Peranan Majlis hanyalah menggunakan namanya sahaja.

Di Negeri Perlis pula cara menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh Jawatankuasa Syariah adalah berbeza dengan Kelantan. Sekiranya keputusan dibuat sebulat suara oleh ahli Jawatankuasa Kuasa Syariah maka fatwa akan dikeluarkan oleh Majlis mengikut keputusan tersebut. Sekiranya keputusan fatwa hanya dipersetujui oleh meyoriti ahli Jawatankuasa Kuasa maka pendapat itu tidak semestinya diistiharkan sebagai fatwa oleh Majlis. Ia hanya diistiharkan sebagai fatwa sekiranya Majlis hendak berbuat demikian. Jika Majlis tidak mahu mengistiharkannya maka persoalan itu akan dipanjangkan kepada Raja untuk membuat keputusannya. Raja merupakan kuasa pemutus dalam masalah yang tidak boleh diputuskan oleh ahli Jawatankuasa Syariah.

Di Negeri Johor pula masalah hukum yang tidak dapat diselesaikan oleh Lujnah Fatwa secara sebulat suara akan diserahkan kepada Majlis. Dalam keadaan ini Majlis akan menentukan fatwa dengan cara undian di kalangan ahlinya. Pendapat yang dipersetujui oleh suara terbanyak di kalangan ahli Majlis akan diistiharkan sebagai fatwa.

Manakala di negeri Pahang, Perak, Melaka, Selangor dan Pulau Pinang fatwa dikeluarkan sendiri oleh Mufti samada melalui perbincangan dengan Jawatankuasa Syariah atau tidak bagi sesetengah kes. Namun demikian untuk mengeluarkan dan mengistiharkan fatwa dalam Warta Kerajaan, Mufti perlu mendapatkan keizinan dan perintah daripada Sultan atau Raja terlebih dahulu. Pengistiharan dalam Warta ini penting bagi membolehkan fatwa tersebut dikuatkuasakan ke atas orang Islam di dalam negeri tersebut.

Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti negeri Pahang berbeza sedikit dengan fatwa di negeri-negeri lain kerana ia terus mengikat dan berkuatkuasa ke atas seluruh orang Islam yang tinggal di negeri tersebut tanpa payah menunggu ia diwartakan. Manakala fatwa di negeri-negeri lain untuk menguatkuasakannya adalah perlu menunggu sehingga ia diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri dengan syarat ia diperintahkan oleh Duli Yang Mulia Sultan.

Bilangan minimum ahli Jawatankuasa yang mesti hadir di dalam setiap kali mesyuarat untuk memutuskan sesuatu pendapat atau fatwa juga berbeza bagi setengah-setengah negeri. Sebagai contoh di Kelantan bilangan minimum ahli yang mesti hadir ialah dua pertiga ($2/3$) daripada jumlah keseluruhan ahli bersama Pengerusi Jawatankuasa. Manakala bagi negeri-negeri selain Kelantan hanya mensyaratkan bilangan minimum kehadiran seramai dua orang bersama Pengerusi. Sudah pasti sedikit sebanyak bilangan ahli yang hadir akan mempengaruhi kematangan pendapat atau fatwa yang hendak dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut.

Kategori dan autoriti fatwa

Fatwa yang dikeluarkan samada oleh Mufti atau Majlis Agama melalui Jawatankuasa Syariah masing-masing boleh dibahagikan kepada tiga kategori.

Kategori pertama ialah fatwa rasmi yang dikeluarkan samada oleh Mufti sendiri atau oleh Majlis melalui Jawatankuasa Syariah yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri.⁷³ Fatwa yang diwartakan merupakan fatwa yang diakui oleh mahkamah dan semua pihak dalam negeri tersebut. Autoriti fatwa jenis pertama ini akan dijelaskan di dalam perbincangan yang akan menyusul selepas ini.

Kategori fatwa yang kedua ialah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis samada melalui Jawatankuasa Syariah atau melalui pendapat yang diberikan oleh Mufti secara perseorangan atau fatwa yang dikeluarkan sendiri oleh Mufti tanpa melalui Jawatankuasa Syariah tetapi fatwa ini tidak diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri. Fatwa kategori ini tidak wajib diakui oleh pihak-pihak lain dan tidak boleh dikuatkuasakan ke atas mana-mana individu atau badan atau mahkamah. Fatwa ini hanyalah sebagai jawapan atau rujukan kepada orang yang meminta penjelasan berkenaan hukum-hukum yang masih belum jelas secara peribadi. Namun fatwa kategori ini boleh diproses sehingga ianya diwartakan sekiranya diberikan keizinan oleh Duli Yang Mulia Sultan atau di setengah negeri oleh Majlis sendiri.⁷⁴

Kategori fatwa yang ketiga ialah penjelasan hukum yang dilakukan oleh Mufti atau pembantunya. Pada hakikatnya ia hanyalah merupakan penjelasan hukum yang telah sedia ada di dalam syariat Islam dan tercatat dalam kitab-kitab agama tetapi tidak diketahui oleh orang yang bertanya tentangnya. Fatwa jenis inilah yang paling banyak berlaku. Fatwa kategori ini tidak wajib diterima oleh orang yang bertanya dan ia tidak boleh diproses untuk diwartakan dalam Warta Kerajaan.⁷⁵

Namun demikian ada Enakmen Pentadbiran Agama Islam beberapa buah negeri yang hanya mengiktiraf pendapat yang diberikan samada oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa sebagai fatwa hanya apabila ia

diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri. Negeri-negeri tersebut ialah Melaka, Pulau Pinang,⁷⁶ Selangor⁷⁷ dan Perak⁷⁸. Sebagai contoh di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka menyatakan tiada suatu kenyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa kecuali dan sehingga ianya diwartakan mengikut prosuder yang ditetapkan.⁷⁹

Jika diperhatikan di dalam peruntukan yang ada dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa fatwa rasmi yang telah diwartakan di negeri-negeri Malaysia mempunyai authoriti ke atas dua pihak iaitu perseorangan dan juga mahkamah samada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil dan Syariah.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang menyatakan bahawa sebaik sahaja disiarkan di dalam Warta sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Negeri Pulau Pinang sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat peribadi.⁸⁰

Sesuatu fatwa bertulis hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah dalam Negeri Pulau Pinang sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.⁸¹ Walau apapun yang terdapat dalam subseksyen (2)⁸² sesuatu kenyataan bertulis yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa untuk perbicaraan dalam mana-mana mahkamah.⁸³

Di Negeri Melaka sebaik sahaja diwartakan dalam Warta Kerajaan sesuatu fatwa hendaklah mengikat setiap orang Islam yang tinggal di Melaka sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mengikut dan berpegang dengan fatwa itu.⁸⁴ Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah dalam negeri Melaka sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan itu.⁸⁵

Di Negeri Perak, sebaik sahaja disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat setiap orang yang tinggal di negeri Perak Darul Ridzwan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mengikut dan berpegang kepada fatwa itu, melainkan jika ia dibenarkan

oleh Hukum Syarak menyimpang dari fatwa itu dalam hal amalan, kepercayaan atau pendapat peribadi.⁸⁶

Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah Syariah atau Sivil dalam negeri Perak sebagai yang berkuasa dalam semua perkara yang ditetapkan olehnya. Jika terdapat perbezaan fatwa atau perkara yang sama, fatwa yang terakhir dikeluarkan hendaklah digunakan.⁸⁷

Walau apa pun undang-undang bertulis yang berlawanan Mufti tidak boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai hukum syarak di dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Tetapi jika di dalam mana-mana mahkamah selain dari Mahkamah Syariah sesuatu hukum syarak perlu diputuskan mahkamah itu boleh meminta Mufti memberikan pendapat bertulis mengenai persoalan itu dan Mufti boleh memberi atau mengesahkan pendapatnya kepada mahkamah itu.⁸⁸

Di negeri Pahang sebaik sahaja fatwa dibuat oleh Mufti, ia hendaklah mengikat setiap orang Islam yang tinggal di Negeri Pahang sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya mengikut dan berpegang kepada fatwa itu, kecuali dia dibenarkan oleh hukum syarak menyimpang dari fatwa itu dalam hal kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat.⁸⁹

Sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti hendaklah diiktiraf oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Pahang sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan olehnya.⁹⁰

Walau apapun undang-undang bertulis yang berlawanan, Mufti tidak boleh disaman untuk memberi keterangan atau pendapat mengenai hukum syarak di dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Jika di dalam mana-mana mahkamah lain daripada mahkamah syariah sesuatu persoalan hukum syarak patut diputuskan, mahkamah boleh meminta Mufti memberi pendapat mengenai persoalan itu dan Mufti boleh memberi pendapatnya kepada mahkamah itu.⁹¹

Di Negeri Selangor sebaik sahaja diwartakan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat orang Islam yang tinggal dalam negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya mengikut dan berpegang dengan fatwa itu kecuali dia dibenarkan oleh hukum syarak menyimpang dari fatwa itu di dalam hal kewajipan peribadi, kepercayaan

atau pendapat.⁹²

Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah dalam Negeri Selangor sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan.⁹³ Walau apa pun undang-undang bertulis yang berlawanan Mufti tidak boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai undang-undang Islam di dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Tetapi jika di dalam mahkamah selain dari Mahkamah Syariah perlu diputuskan sesuatu hukum syarak maka mahkamah itu boleh meminta Mufti memberi pendapat mengenai hal itu. Mufti boleh mengesahkan pendapatnya kepada Mahkamah itu.⁹⁴

Di Negeri Kedah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis secara terus atau melalui Jawatankuasa Fatwa setelah ia diwartakan dalam Warta hendaklah mengikat semua orang Islam yang tinggal di dalam negeri itu.⁹⁵ Di Kedah tidak ada disebut fatwa mesti dipatuhi oleh semua mahkamah sebagai yang berkuasa penuh terhadap perkara yang berkaitan dengan hukum syarak.

Di Negeri Perlis apa-apa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau sebarang keputusan yang diberikan oleh Raja pemerintah hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan dan hendaklah diiktiraf oleh mahkamah-mahkamah yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis bagi Negeri Perlis.⁹⁶ Di Perlis tidak ada disebut fatwa yang diwartakan mengikat semua orang Islam yang tinggal di negeri tersebut.

Di Terengganu authoriti yang diberikan kepada fatwa yang diwartakan dalam Warta Kerajaan adalah sama seperti yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang.⁹⁷

Di Johor apa-apa fatwa yang diberikan oleh Majlis samada secara terus daripadanya atau menerusi Lujnah Fatwa ataupun mana-mana keputusan di atas soal yang dibuat oleh Duli Yang Mulia Sultan yang disiarkan di dalam Warta Kerajaan hendaklah mengikat semua orang Islam yang tinggal di dalam negeri itu.⁹⁸ Di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor tidak ada disebut fatwa mesti dipatuhi oleh semua mahkamah yang ditubuhkan dalam negeri itu.

Secara perbandingannya penulis mendapati bahawa authoriti yang diberikan kepada fatwa samada yang dikeluarkan oleh Majlis agama atau oleh Mufti sendiri agak berbeza. Sebagai contoh fatwa yang di keluarkan di negeri Selangor, Perak, Melaka, Pulau Pinang dan Terengganu mesti dipatuhi oleh semua mahkamah yang ditubuhkan di dalam negeri-negeri tersebut. Akan tetapi fatwa yang dikeluarkan di negeri Pahang hanya mengikat mahkamah syariah sahaja dan tidak merangkumi mahkamah sivil.

Manakala di negeri Johor dan Kedah tidak ada kenyataan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam kedua-dua negeri tersebut tentang authoriti fatwa di dalam mahkamah samada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Authoriti yang diberikan hanyalah ke atas individu yang tinggal di dalam negeri tersebut. Di dalam Enakmen Pentadbiran Pulau Pinang mencatatkan fatwa yang dikeluarkan mengikat setiap orang Islam yang bermastautin di negeri tersebut. Perkataan mastautin di dalam enakmen Pulau Pinang ini menimbulkan keraguan adakah ia bermaksud orang yang tinggal tetap sebagaimana yang diertikan oleh Kamus Dewan⁹⁹ atau setiap orang yang tinggal di Negeri Tersebut samada menetap atau pun tidak.

Pengecualian daripada mengikut fatwa yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan juga tidak sama antara negeri-negeri. Sebagai contoh di negeri Selangor, Pahang dan Terengganu ada pengecualian diberikan kepada sesiapa yang dibenarkan oleh syariat Islam untuk tidak mengikut fatwa yang dikeluarkan. Manakala di negeri Melaka, Kedah, Perlis dan Johor tidak ada pengecualian kepada sesiapa pun dan semua orang adalah terikat kepada fatwa yang dikeluarkan.

NOTA Hujung

- ¹ Dewan Undangan Negeri Selangor 1989, *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor No. 2 Tahun 1989, Seksyen 29 (2)*.
- ² Dewan Undangan Negeri Melaka 1991, *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka No. 5, Tahun 1991, Seksyen 28 (1)*.

- ³ Dr. Abdul Munir Yaacob, *Sejaran Perkembangan Institusi Fatwa Di Malaysia*, hlm. 21.
- ⁴ Ibid, hlm. 16-20.
- ⁵ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Perak bil. 2, tahun 1992, seksyen 37 (1).
- ⁶ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Perak Bil. 2, tahun 1992, seksyen 37 (2).
- ⁷ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri Perak Bil. 2, tahun 1992, seksyen 37 (3)
- ⁸ Dewan Undangan Negeri Kelantan 1994, *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Kelantan Bil. 4, tahun 1994 seksyen 33 (1)*.
- ⁹ Ibid, seksyen 33 (2).
- ¹⁰ Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan 1991, *Enakmen Petadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan No. 15, 1991, Seksyen 28 (1)*.
- ¹¹ Temubual dengan S.S. Datok Mufti Negeri Sembilan pada 14hb. 12, 1997 bertempat di Pejabat Mufti Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- ¹² Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak No. 15, Tahun 1960 (Peraturan Jawatankuasa Syariah 1965, Peruntukan No. 3 (a) dan (b).
- ¹³ Ibid, Peruntukan No. 8 (a), (b), © dan (d).
- ¹⁴ Dewan Undangan Negeri Terengganu 1986, *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986, Seksyen 24 (1)*.
- ¹⁵ Temubual dengan Dato' Mufti Terengganu pada 1hb. september, 1997 bertempat di Pejabat Mufti Jabatan Mufti Negeri Terengganu.
- ¹⁶ *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986, Seksyen 24 (2)*.
- ¹⁷ Ibid, Seksyen 24 (1).
- ¹⁸ Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri pulau Pinang 1993, Bil. 7, seksyen 39 (2).
- ¹⁹ Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri Perlis, No. 3, tahun 1964, sek. 9.
- ²⁰ Ibid, sek. 8 (1) & (2).
- ²¹ Dewan Undangan Negeri Selangor 1989, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Selangor No. 2, tahun 1989, seksyen 29*

- (1) dan 34 (1) & (2).
- ²² Othman Haji Ishak, *Fatwa dalam perundangan Islam*, hlm. 28.
- ²³ Dewan Undangan Negeri Johor 1978, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, bil. 14, tahun 1978, seksyen 14 (1) & (2)*.
- ²⁴ Ibid, seksyen 15 (1) & (2).
- ²⁵ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang, No. 3, Tahun 1991, seksyen 34 (1).
- ²⁶ Ibid, seksyen 34 (3).
- ²⁷ Ibid, seksyen 39 (2).
- ²⁸ *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri Melaka, No. 5, Tahun 1991, seksyen 28 (1)*.
- ²⁹ Ibid, seksyen 33 (2).
- ³⁰ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 32 (1).
- ³¹ Seorang tenaga pengajar di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- ³² Temubual bersama Ustaz Syukri Sulaiman, Pegawai Penyelidik Akidah, Pejabat Mufti Pulau Pinang, pada 17hb. 12, 1997 bertempat di Pejabat Mufti Pulau Pinang,
- ³³ Temubual bersama Dato' Haji Jahya, Mufti Kerajaan Negeri Perlis, pada 17hb. Februari, 1998, di Pejabat Mufti Perlis.
- ³⁴ Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor, No. 2, Tahun 1989, Seksyen 31 (1) & (2).
- ³⁵ Ibid, seksyen 32 (1) & (2).
- ³⁶ Ibid, Seksyen 34 (5).
- ³⁷ Ibid, seksyen 33 (1) & (2).
- ³⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, Bil. 14, Tahun 1978, Seksyen 16 (1), (2) & (3).
- ³⁹ Ibid, Seksyen 16.
- ⁴⁰ Ibid, Seksyen 15 (3).
- ⁴¹ Dewan Undangan Negeri Pahang 1991, *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang, No. 3, Tahun 1991, Seksyen 36 (1) & (2)*.
- ⁴² Ibid, Seksyen 39 (4 -7)
- ⁴³ Ibid, Seksyen 37 (1) & (2).
- ⁴⁴ Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka seksyen 30, 31 (1&2), 33 (4 -7).

- ⁴⁵ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam Negeri Perlis No. 3, Tahun 1964, Seksyen 7 (1) & (2).
- ⁴⁶ Ibid, Seksyen 8 (4).
- ⁴⁷ Ibid, Seksyen 7 (3).
- ⁴⁸ Ibid, Seksyen 7 (6).
- ⁴⁹ Dewan Undangan Negeri Kelantan 1994, *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Seksyen 36 (1)*.
- ⁵⁰ Ibid, (2)
- ⁵¹ Ibid, Seksyen 34 (2).
- ⁵² Ibid, Seksyen 36 (3).
- ⁵³ Ibid, (4).
- ⁵⁴ Ibid, Seksyen 39.
- ⁵⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak Bil. 2, Tahun 1992, Seksyen 34 (1).
- ⁵⁶ Ibid, Seksyen 37 (4).
- ⁵⁷ Ibid, (5).
- ⁵⁸ Ibid, Seksyen 34 (2) & (3).
- ⁵⁹ Dewan Undangan Negeri Terengganu 1986, *Enakmen pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, Bil. 12, Tahun 1986, Seksyen 25 (1)*.
- ⁶⁰ Ibid, (2).
- ⁶¹ Ibid, (3) & (4).
- ⁶² Ibid, (5).
- ⁶³ Ibid, (6).
- ⁶⁴ Ibid, (9).
- ⁶⁵ Ibid, Seksyen 26 (3).
- ⁶⁶ Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 1993, *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil. 7, Tahun 1993, Seksyen 36 (1)*.
- ⁶⁷ Ibid, Seksyen 39 (5) & (6).
- ⁶⁸ Ibid, Seksyen 36 (2).
- ⁶⁹ Dewan Undangan Negeri Kedah 1962, *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam Negeri Kedah, No. 9, Tahun 1962, Seksyen 37 (1)*.
- ⁷⁰ Ibid, (2).
- ⁷¹ Ibid, Seksyen 36 (5).
- ⁷² Ibid, Seksyen 35 (3).

- ⁷³ Sebagai contoh lihat ibid seksyen 39.
- ⁷⁴ Temubual bersama Ustaz Musa, penyelaras bagi Majlis Fatwa Kebangsaan di Jabatan Kebajikan Islam, Pusat Islam, pada 23hb. Disember, 1997. Untuk keterangan lanjut boleh rujuk sebagai contoh Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu Bil. 12, Tahun 1986, Seksyen 25.
- ⁷⁵ Temubual bersama Mufti Negeri Sembilan, Mufti Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pembantu Mufti Perak di Pejabat masing-masing di tarikh yang berlainan.
- ⁷⁶ *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Bil. 7, Tahun 1993, Seksyen 36 (2).*
- ⁷⁷ *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor No. 2, Tahun 1989, Seksyen 31 (2).*
- ⁷⁸ *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak Bi. 2, Tahun 1992, Seksyen 34 (2).*
- ⁷⁹ *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka No. 5, Tahun 1991, Seksyen 30 (2).*
- ⁸⁰ *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Bil. 7, Tahun 1993, Seksyen 36 (3).*
- ⁸¹ *Ibid, Seksyen 36 (4).*
- ⁸² Subseksyen (2) Seksyen 36 menyatakan tiada satu kenyataan yang dibuat oleh mufti boleh dianggap sebagai fatwa sehingga ia disiarkan dalam Warta Kerajaan.
- ⁸³ *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Seksyen 36 (5).*
- ⁸⁴ *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka No. 5, Tahun 1991, Seksyen 30 (3).*
- ⁸⁵ *Ibid, Seksyen 30 (4).*
- ⁸⁶ *Enakmen Pentadbiran Negeri Perak Bil. 2, Tahun 1992, Seksyen 34 (3).*
- ⁸⁷ *Ibid, Seksyen 34 (5).*
- ⁸⁸ *Ibid, Seksyen 38.*
- ⁸⁹ *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang No. 3 Tahun 1991, Seksyen 2 (3).*
- ⁹⁰ *Ibid, Seksyen 2 (4).*
- ⁹¹ *Ibid, Seksyen 40.*
- ⁹² *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor No.*

2 Tahun 1989, Seksyen 31 (3).

⁹³ Ibid, Seksyen 31 (4).

⁹⁴ Ibid, Seksyen 35.

⁹⁵ *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Kedah No. 9 Tahun 1962, Seksyen 38 (2).*

⁹⁶ *Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis No. 3 Tahun 1964, Seksyen 7 (6).*

⁹⁷ *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu Bil. 12 tahun 1986, Seksyen 26 (3).*

⁹⁸ *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Bil. 14 Tahun 1978, Seksyen 17.*

⁹⁹ Dr. Teuku Iskandar (penyusun), *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 744.

RUJUKAN

Dewan Undangan Negeri Johor. 1978. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. *Warta Kerajaan Negeri Johor* 14 (1&2).

Dewan Undangan Negeri Kelantan. 1994. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kelantan 1994. *Warta Kerajaan Negeri Kelantan* 33(1)


Dewan Undangan Negeri Melaka. 1991. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991. *Warta Kerajaan Negeri Melaka* 28 (1).

Dewan Undangan Negeri Sembilan. 1991. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan. *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* 28 (1).

Dewan Undangan Negeri Pahang. 1991. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991. *Warta Kerajaan Negeri Johor* 34 (1).

Dewan Undangan Negeri Perak. 1992. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Perak 1992. *Warta Kerajaan Negeri Perak* 37 (1).

Perlis. 1964. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam Negeri Perlis. *Warta Kerajaan Negeri Perlis* 7 (1&2).



- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. 1993. Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993. *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* 39 (2).
- Dewan Undangan Negeri Terengganu. 1986. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu 1986. *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* 24 (1 & 2).
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 1989. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam. *Warta Kerajaan Negeri Selangor* 31 (1 & 2).



